

SULIT



**SMK INFANT JESUS CONVENT, MELAKA  
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN.**

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
**SEPTEMBER**  
2015  
2 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5**

**TAHUN 2015**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada kertas kajang.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

1103/1  
Bahagian A[30 markah]  
[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat ilustrasi kartun di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kesan-kesan buruk penggunaan alat komunikasi kepada remaja pada masa ini**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## KESAN BURUK PENGGUNAAN ALAT KOMUNIKASI KEPADA REMAJA

Hilang fokus  
ketika sesi  
pembelajaranKos hidup remaja  
meningkatMenjejaskan  
tahap kesihatan

[ Lihat halaman sebelah

**Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Sahabat atau rakan yang baik mampu mempengaruhi kecemerlangan seseorang pelajar

Jelaskan ciri-ciri sahabat yang baik yang dapat membantu anda untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

2. Pelbagai masalah seperti peningkatan kos hidup dan masalah kewangan diikenal pasti memberi tekanan kepada sesebuah keluarga.

Tulis sebuah rencana tentang peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak supaya dapat membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga.

3. Rakyat bermaklumat dengan modal insan yang benar-benar berkualiti merupakan elemen ulama yang diperlukan dalam usaha menjayakan wawasan 2020.

Bincangkan kepentingan majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh pelbagai pihak untuk menjayakan wawasan tersebut.

4. Kebanjiran pendatang asing telah mempengaruhi kehidupan masyarakat di rantau ASEAN.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau bagi menangani masalah ini.

5. Minat masyarakat dalam bidang penulisan amat mendukacitakan.

Sarankan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk melahirkan penulis yang berjaya dalam kalangan masyarakat.

1103/2

1103/2

Bahasa Melayu



**SMK INFANT JESUS CONVENT, MELAKA  
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN.**

Kertas 2

September

2015

2 ½ jam

### **PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN LIMA**

**TAHUN 2015**

---

#### **BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

#### **Arahan**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
  4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak .

### Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah penjimatkan minyak dalam pemanduan dan kesan-kesannya kepada masyarakat. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kenaikan harga minyak mentah dunia seakan-akan tiada cara untuk menyekatnya. Bagi yang berkemampuan kenaikan sehingga AS\$138 setong sudah mula dirasakan apabila harga runcit turut mengalami lonjakan harga. Kenaikan harga minyak menuntut kita mengikat perut sebenarnya.

Kenaikan harga minyak mentah akan menyebabkan kos pengangkutan meningkat. Langkah paling popular untuk menjimatkan petrol ialah menaiki kendaraan awam yang permintaannya semakin meningkat dari hari ke hari. Walaupun dalam kalangan pemain industri pengangkutan berpendapat sesiapa yang menceburii bidang pengangkutan sengaja mencari penyakit kerana kos minyak tidak setimpal dengan tambang atau tiket, tetapi masih ada syarikat bas yang menambah bilangan bas baru. Mungkin minyak diesel tidak mengalami kenaikan yang drastik malahan kepenggunaannya juga amat menjimatkan dan berdaya saing berbanding petrol yang lebih 'pantas' membakar.

Langkah penjimatkan antara yang popular ialah pemasangan NGV iaitu penggunaan gas asli sebagai ganti bahan api petrol. Sudah terbukti NGV merupakan bahan bakar menjimatkan walaupun harganya lebih kurang minyak petrol tetapi kerana ketumpatan bahan apinya memungkinkan lebih banyak kilometer dieksplotasi untuk kadar seliter harga petrol. Lantaran itu banyak syarikat pengangkutan awam seperti teksi dan MPV lapangan kapal terbang menggunakan NGV bagi kegunaan kendaraan syarikat mereka. Langkah berkongsi kereta ke destinasi tempat kerja yang sama atau car pool juga memang boleh menjimatkan minyak dan sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas sesuatu kawasan,

Penggunaan petrol yang banyak apabila memandu di jalan raya bertaraf dunia seperti di Malaysia memang tidak dapat dielakkan kerana pemandu gemar memecut apabila jalan kurang kenderaan. Dalam situasi ini apa yang dapat dilakukan hanyalah merayu pemandu yang mempunyai sikap begini supaya menjadi lebih berdisiplin, bersabar dan menepati masa apabila membuat temu janji. Sikap pemanduan berhemah ini dapat menjimatkan minyak apabila sesebuah kereta dipandu secara konsisten.

Langkah penjimatkan perlu diperluaskan di pusat-pusat servis kereta. Antara yang mudah untuk dilakukan ialah melakukan servis kereta secara berkala dan di tempat servis yang diiktiraf. Selain itu, beban dalam kereta seperti barang-barang yang tidak diperlukan

perlu tinggalkan sahaja di rumah atau di pejabat. Barang-barang ini menyumbang kepada penggunaan minyak petrol yang optimum. Semakin ringan kereta semakin jimat penggunaan petrol.

Penganalisis ekonomi Dr. Haim Hilman Abdullah turut mengakui kenaikan harga petrol tidak dapat dielakkan berikutan trend peningkatan harga bahan api itu di pasaran dunia sejak akhir-akhir ini.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Pemanduan Jimat Minyak oleh Abdul Razak Idns Utusan Melayu, 2008)

**Soalan 2 : Pemahaman  
(35 markah)**

**Soalan 2(a) - Petikan umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengikat perut*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kebaikan kepada pengguna jalan raya apabila mereka memasang NGV? [3 markah]
- (iii) Berjimat cermat perlu menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Nyatakan pandangan anda? [4 markah]

### Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dia dimercupi bahagia, menerima pujian ayahanda.

"Tapi bonda patuhilah pujuhan ayahanda. Kembalilah ke Malaysia,"

"Perusahaan turun-temurun di Yellowstone ini?"

"Bonda boleh usahakan yang lain, di tempat lain meski cabaran dan tantangannya berbeza. Kenapa bonda masih mahu alirkan keuntungan ke dalam peti negara angkuh itu? Bukankah dolar itu digunakan untuk membiayai Israel memusnahkann negara-negara islam. Bonda membiayai penumpasan saudara seagama sendiri" Dia terdiam menerima bangkangan anaknya.

"Yellowstone akan meledakkan kemarahan bonda."

"Lari dari Yellowstone belum pasti selamat."

"Kenapa, bonda? Kerana jangkaan geologis bahawa letupan itu akan menyebabkan suhu dunia tidak tentu hala? Awan debu tebal menghalang pancaran matahari ke bumi? Hujan asid akan melanda dunia?"

Dia terperangkap menerima soalan-soalan bertalu.

"Siapa tahu kita antara yang bakal selamat daripada bahana hujan asid? Benar kata ayahanda, lari daripada satu takdir untuk mendepani takdir adalah satu usaha. Allah menggesa umatnya berikhtiar, bonda. Kalau Ahmad Abdullah masih hidup, barangkali dia akan memberitahu bonda."

"Beritahu apa?"

"Selamatkan keturunan Ahmad Abdullah."

Dia tertampar.

[Dipetik daripada Cerpen 'Tanggar Amanat' oleh Amanuszat Noor Rahim  
Dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka]

- (i) Apakah yang akan terjadi di Yellowstone mengikut jangkaan geologis?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan satu persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen  
[4 markah]

**Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Beta tidak beritahukan pelayaran beta pada kalian kerana beta menemani Tuan Puteri Dayang Seri Jawa kembali ke negerinya. Lagipun beta telah berhutang kepadanya sebanyak dua puluh lapan rial batu dan emas sejangka tiga untuk melangsakan hutang beta pada kepada Datuk Batin Alam."

"Ampun Tuanku, janganlah Tuanku dukacita dengan hutang itu. Sekiranya Tuanku hendak kembali ke Bandar Mengkalih, biarlah patik isikan gelung ini penuh sarat dengan rial batu dan emas."

Mendengar percakapan itu Tuan Puteri Dayang Seri Jawa tidak tersabar lagi lalu menyampuk, "Wahai tuan-tuan sekalian, adakah patut orang yang serupa ini kepada patik? Sebenarnya dagang yang hina inilah yang telah menjadi tawanannya. Dia seorang pahlawan yang handal."

"Kalau begitu," kata Awang Sulung pula, "memanglah benar kata adinda, kerana kakanda telah menewaskan Tuan Puteri Dayang Nuramah yang hendak merampas kakanda daripada tangan adinda dan sekarang hutang pun sudah berbayar, piutang pun sudah diterima, maka memohonlah kakanda kembali ke Bandar Mengkalih."

(Dipetik daripada 'Pelayaran yang Penuh Peristiwa' dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *berhutang rial kepada patik*.  
[2 markah]
- (ii) Mengapa Awang Sulung tidak memberitahu kepada lanun-lanun tentang pelayarannya di kawasan lanun-lanun tersebut?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang pemimpin atau ketua itu ditaati oleh pengikut-pengikutnya?  
[3 markah]

**Soalan 2(d) – Gurindam**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Tonggak Dua Belas**  
**Penyelenggara: Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki)**

Hendak pandai menghargai masa,  
Jangan dinanti esok lusa.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,  
Baik buruk jadikan sempadan.

Ketekunan akan membawa kejayaan,  
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Menjadi kewajipan menjalankan tugas,  
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Wajah ceria keseronokan bekerja,  
Usah berduka bermuram durja.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,  
Tidak membazir teliti saksama.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,  
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,  
Perkara susah menjadi senang.

Ketinggian peribadi jadi amalan,  
Ketulusan hati jadi bekalan.

Peningkatan bakat diberi sokongan,  
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Kekuatan sifat baik hati,  
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Nikmat mencipta budaya kreatif,  
Kembangkan bakat semoga aktif.

(Dipetik daripada antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah yang ditekankan oleh penyair menerusi **rangkap keempat** dan **rangkap kelima**?

[2 markah]

- (ii) Penyair menggalakkan kita bersikap kreatif.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan jika kita mengamalkan sikap kreatif dalam pekerjaan ?

[3 markah]

- (iii) Huraikan dua nilai murni yang terdapat dalam gurindam tersebut.

[4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

( 30 markah )

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya dapat menunjukkan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) hancur
- (ii) condong
- (iii) segar

(6 markah)

(b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini kepada dua ayat tunggal.

- (i) Universiti Malaya merupakan pusat pengajian tinggi yang telah banyak melahirkan tokoh berwibawa.
- (ii) Kemalangan jalan raya itu bukan berlaku pada hari ini tetapi semalam.
- (iii) Empangan Timah Tasuh sebuah tasik buatan yang terletak di Perlis.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Cikgu Hasroni meminta murid-muridnya supaya memberikan definisi yang tepat tentang konsep teknologi hijau dalam penghidupan pada hari ini.
- (ii) Filem Seniman Bujang Lapuk telah mempopularkan nama Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan beberapa orang pelakun yang berzaman dengan beliau.
- (iii) Bidang pelancongan di Malaysia mampu dimajukan memandang prospetnya yang besar pada peringkat antarabangsa.

[6 markah ]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Balai rawatan itu dibuka di setiap hari mulai pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang dan dikendalikan oleh tiga orang doktor.
- (ii) Pengemis yang berpakaian kusut-masai itu tidur di bawah pokok dengan beralaskan surat khabar.
- (iii) Penjenayah warga asing itu saling berbalas-balas tembakan dengan pihak polis selepas kereta yang dipandu oleh mereka tergelincir di Lebuh Raya Utara-Selatan.

[ 6 markah ]

(e) Tulis satu ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- (i) Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semuanya
- (ii) Batu penghalang
- (iii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

[6 markah ]

#### **Soalan 4: Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas juar!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konseruo Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vii) Kabus di Pertukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Pengarang memaparkan kritikan sosial yang mendedahkan kepincangan masyarakat dalam novelnya.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan dua kritikan sosial yang dipaparkan oleh pengarang.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, bandingkan **satu** persoalan yang terdapat dalam novel-novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

PR

## SKEMA JAWAPAN PERCUBAAN SPM BAHASA MELAYU KERTAS 2 , 2015.

## Soalan 1: Rumusan

Markah untuk rumusan (30)

1. Isi = 20 markah

- Pengenalan (2 markah)
- Isi tersurat (4-12 markah)
- Isi tersirat ( 4- 12 markah)
- Kesimpulan ( 2 markah)

JUMLAH ISI					
ISI TERSURAT	2	3	4	5	6
ISI TERSIRAT	6	5	4	3	2

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	-Kesinambungan isi baik -Struktur ayat/ tatabahasa baik -Kosa kata luas -Tanda bacaan/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 - 11	6 – 7 4 – 6	-Kesinambungan isi masih baik -Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -Kosa kata masih memuaskan -Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	-Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

## Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[ Markah bahasa maksimum: 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a): 9 markah  
Soalan 2(b): 9 markah  
Soalan 2(c): 9 markah  
Soalan 2(d): 9 markah

### Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja..

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

#### 1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/ salah	0

#### 2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

#### 3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

### **Soalan 3**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a): 6 markah
- Soalan 3(b): 6 markah
- Soalan 3(c): 6 markah
- Soalan 3(d): 6 markah
- Soalan 3(3): 6 markah

#### **Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

**Soalan 4.**

**Markah penuh 15 markah**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- 4(a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Beri 1 markah bagi setiap satu kritikan sosial yang betul.  
iv) Beri 1 markah bagiuraian yang lengkap bagi setiap kritikan sosial.  
v) Markah bahasa diberi secara impression

Baik : 3 markah

Sederhana : 2 markah

Lemah : 1 markah

ix) Jika calon menjawab dan isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

x) Calon tidak menjawab 0 markah.

- 4(b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Beri 1 markah bagi setiap 1 persoalan novel yang betul.  
iv) Beri 2 markah bagiuraian dan contoh peristiwa/ situasi/ perkara bagi setiap novel .  
v) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap novel)  
vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.  
vii) Jika calon menjawab dan jawapan tersebut salah maka markah isi 0, beri 1 markah  
bahasa.

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

viii) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

Kertas 2  
Skema Pemarkahan

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/kaedah/cara/tindakan/prakarsa penjimatan minyak dalam pemanduan oleh pemandu-pemandu di Malaysia. 2m

Petikan membincangkan usaha-usaha/kaedah/cara/tindakan/prakarsa penjimatan minyak dalam pemanduan 1m

Isi tersurat (langkah-langkah penjimatan minyak)

1. menaiki kenderaan awam yang permintaannya semakin meningkat dari hari ke hari.
2. pemasangan NGV iaitu penggunaan gas asli sebagai ganti bahan api petrol
3. Langkah berkongsi kereta ke destinasi tempat kerja yang sama atau car pool memang boleh menjimatkan minyak
4. merayu pemandu yang mempunyai sikap begini supaya menjadi lebih berdisiplin, bersabar dan menepati masa apabila membuat temu janji
5. melakukan servis kereta secara berkala dan di tempat servis yang diiktiraf pengeluar kereta yang digunakan.
6. beban dalam kereta seperti barang-barang yang tidak diperlukan tinggalkan sahaja di rumah atau di pejabat.
7. Semakin ringan kereta semakin jimat penggunaan petrol

Isi tersirat. (kesannya kepada masyarakat)

1. Menjimatkan perbelanjaan pengguna
2. Menggalakkan orang ramai datang awal ke pejabat apabila berkongsi kenderaan.
3. Ekonomi negara akan meningkat.
4. Merancang perjalanan dengan baik.
5. Menjimatkan minyak

Kesimpulan/Penutup (2 markah)

Semua pihak perlulah bekerjasama menyokong usaha-usaha penjimatan minyak dalam pemanduan agar masyarakat hidup tenang dan aman

**Soalan 2 (a) : Petikan umum**

- (i) Maksud :  
- menahan lapar 2 markah
- (ii) Kebaikan :  
- bahan bakar menjimatkan  
- ketumpatan bahan apinya memungkinkan lebih banyak kilometer dieksplotasi untuk kadar seliter harga petrol  
- melebihkan kilometer perjalanan  
- menjimatkan wang kita. 3 markah
- (iii) Pandangan : (Berjimat cermat perlu menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari)  
- Merancang perbelanjaan dengan baik  
- Mengelakkan pembaziran  
- Mempunyai tabungan  
- Mengelakkan tekanan dalam kehidupan akibat sikap boros  
- Mengamalkan cara hidup yang sempurna  
(mana-mana yang relevan diterima) 4 markah

**Soalan 2(b)**

- (i) yang terjadi  
- Yellowstone akan meledakkan kemarahannya / meletup 1  
- Letupan itu menyebabkan suhu dunia menjadi tidak tentu hala 1  
- Awan debu tebal menghalang pancaran matahari ke bumi 1  
- Hujan asid akan melanda dunia 1  
Maksimum 2 markah
- (ii) Masalah yang dihadapi  
- Kerinduan terhadap ahli keluarga di kampung 1  
- Masalah komunikasi / sukar menguasai bahasa tempatan 1  
- Ancaman keselamatan 1  
- Kesukaran menyesuaikan diri dengan cuaca / iklim 1  
- Sukar mendapatkan makanan tradisi Negara asal 1  
Maksimum 3 markah

- (iii) Persoalan dalam petikan
- Persoalan cabaran / dugaan kehidupan.
  - Bonda menghadapi cabaran untuk mempertahankan perusahaan turun-temurun yang diusahakan di Yellowstone. 2
- Persoalan dalam cerpen
- Persoalan kasih sayang  
Kasih sayang seorang ibu terhadap anak dalam kandungannya. 2
  - Persoalan Ketaatan isteri terhadap suaminya  
Hawa membuat keputusan mengikut suaminya pulang ke Malaysia 2
- Maksimum 4 markah
- Soalan 2(c) Prosa Tradisional**
- (i) berhutang rial kepada patik
- Meminjam wang / duit kepada saya / aku 2
- Maksimum 2 markah
- (ii) Awang Sulung tidak memberitahu kepada lanun-lanun tentang pelayarannya
- Awang Sulung sedang menemani Tuan Puteri Dayang Seri Jawa untuk balik ke negerinya 1
  - Awang Sulung ada berhutang sebanyak dua puluh lapan rial batu dan emas sejangka tiga dengan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa 1
  - Awang sulung berhutang kerana ingin melangsaikan hutangnya dengan Datuk Batin Alam 1
- Maksimum 3 markah
- (iii) Seseorang pemimpin atau ketua itu ditaati oleh pengikut-pengikutnya
- Pemimpin memiliki wibawa / karisma 1
  - Memiliki pengaruh 1
  - Mempunyai kekuatan dari segi kewangan dan 1
  - Memiliki kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah 1
- Maksimum 3 markah

Soalan 2(d): Gurindam

- (i) Menerusi rangkap keempat, penyair mahu kita bersikap sederhana dalam kehidupan dan menggunakan kebijaksanaan akan membawa kesejahteraan. Menerusi rangkap kelima pula, penyair menekankan bahawa peribadi mulia perlu diamalkan disamping sikap telus perlu dititikberatkan.
- [2 markah]
- (ii) Kelebihan jika kita bersikap kreatif ialah semua kerja dapat dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan. Selain itu, dapat meningkatkan kualiti hasil pengeluaran. Akhir sekali, sesuatu pekerjaan semakin mudah dilakukan dengan jumlah pekerja yang sedikit.

[Pendapat yang sesuai diterima]

[3 markah]

- (iii) Dua nilai murni yang terdapat dalam gurindam ialah **kerajinan**, contohnya pekerja yang rajin sangat menghargai masa dan tidak suka bertangguh dalam melaksanakan sesuatu tugas. Seterusnya **kegigihan**, contohnya sifat gigih sangat penting dalam usaha melahirkan pekerja yang produktif.

[Jawapan lain- Nilai kesederhanaan, contohnya penyair mahu kita bersederhana yang boleh membawa kesejahteraan dalam kehidupan]

Soalan 3

(a)

- i. hancur –
  - \_ pecah berderai-derai
  - \_ pecah kecil-kecil dan halus-halus kerana ditumbuk, dikisar , atau dikunyah
  - \_ Sedih sekali; putus asa
  - \_ Rosak binasa; tidak bersatu (kukuh)
- ii. condong – senget ke sebelah
  - \_ memihak atau menyebelah kepada ; cenderung
- iii. segar
  - \_ sihat; cergas
  - \_ menimbulkan rasa nyaman
  - \_ tumbuh dengan subumya
  - \_ masih baru